



## Bimbang tiada capaian tanda ketagih internet

Oleh SITI FATIMAH ABDULLAH  
gayautusan@mediamula.com.my

**S**ALAH satu ciri ketagihan internet ialah individu berasa rasa takut apabila tiada akses terhadap gajet fenomena *nomofobia* (no mobile phobia). Adakah anda begitu?

Ketagihan internet bukan isu terencil. Insiden leka lantaran tidak makan selama seminggu, membunuh diri, terjun bangunan dan mengamuk, antara petanda akibat ketagihan internet.

Perunding Inkubator Disleksia Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof. Dr. Zulikha Jamaludin berkata, kajian kes dilakukan, seorang budak lelaki berusia tujuh tahun leka menggunakan telefon bimbit.

Katanya, bila diambil kanak-kanak berkenaan marah dengan menggenggam penumbuk, malah turut menumbuk meja sambil merenung tajam dan

### INTERACTION DESIGN (IxD)

- » Merujuk kepada reka bentuk produk digital bermatlamat untuk memudahkan interaksi di antara pengguna dengan produk.
- » Memainkan peranan besar dalam semua perisian seperti Facebook, WhatApps, Instagram dan Twitter.

mendengus seperti *monster*.  
"Saya terkejut melihat anak sekecil ini sudah jadi seperti *monster* atau raksasa, saya tanya kepada ibunya kenapa jadi begini? Rupa-rupanya sejak usianya dua tahun lagi sudah didedahkan dengan

**IXD**  
Individu mudah leka dengan internet kerana tarikan *Interaction Design* (IxD) di mana ia memainkan peranan yang sangat besar dalam semua perisian yang

digunakan pada hari ini seperti Facebook, WhatApps, Instagram dan Twitter.

"Namun ada sebahagian pereka mengambil kesempatan demi keuntungan kewangan, legasi, kemasyhuran dan pelbagai kepentingan lain telah membawa IxD ke sisi gelap.

"Pereka bentuk IxD adalah 'penyiasat' hebat di mana mereka mengkaji pengguna dari segi minat, perasaan, tingkah laku malah ekspresi wajah. Mereka meneliti setiap perincian yang membawa kepada semangat, motivasi dan kekecewaan pengguna. Tugas ini sangat baik untuk membina perisian, tetapi apabila disalah guna mereka boleh mengambil kesempatan di atas kelemahan pengguna. Mereka sudah tahu benar bilakah daya tarik produk boleh membawa kepada ketagihan," ujarnya.

Lebih daripada itu, katanya aplikasi komputer kini direka bentuk dengan matlamat

membuat rampasan psikologi, menarik pengguna ke lengcongan ditentukan oleh aplikasi, bukan pengguna.

**Bersambung di muka 22**



PROF DR. ZULIKHA JAMALUDIN